



**PENARI** kebudayaan JKKN mempersembahkan tarian piring ketika mempromosi Seni Ekstravaganza Muzikal Randai Cindumato di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI, Tanjung Malim, semalam.  
- UTUSAN/KAMAL BASIR WAHAB

## Promosi teater muzikal randai jelajah IPT

**TANJUNG MALIM 29 Feb.** - Bahang pementasan *Panggung Seni Ekstravaganza Teater Muzikal Randai Cindua Mato* yang akan dipersembahkan di Istana Budaya selama tiga hari bermula 25 Mac ini, semakin terasa apabila siri promosinya mula menjelajah ke institusi pengajian tinggi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini.

Teater arahan Lokman Ghani dengan garapan randai iaitu kesenian tradisional masyarakat Manganakabau dari Sumatera Barat, bakal dijayakan oleh barisan artis popular seperti Remy Ishak, Vanidah Imran, Azhan Rani, Ashraf Muslim, Datuk Jalaluddin Hassan dan Datuk Ahmad Tamimi Siregar.

Penolong Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Nik Mohd. Fadly Nik Mat berkata, pihaknya menyasarkan promosi tersebut dalam kalangan mahasiswa bagi mengangkat teater tradisional supaya tidak dilupakan oleh generasi masa kini.

"Bagi menarik minat ramai,

kita menggabungkan unsur teater, tarian, muzik dan nyanyian dengan mengekalkan keaslian serta struktur asal persembahan randai itu sendiri.

"Kita menyasarkan promosi ini kepada pelajar-pelajar dalam kelompok bidang seni supaya mereka dapat mempelajari seni tradisional ini secara langsung dan bukan hanya sekadar teori atau menonton melalui video sahaja.

"Selepas UPSI, kita akan meneruskan promosi teater ini di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM)," katanya.

Beliau berkata demikian ke-



**NIK MOHD FADLY NIK MAT**

tika ditemui pada sesi promosi yang dijalankan di pekarangan Kompleks Dewan Kuliah UPSI Kampus Sultan Abdul Jalil Shah di sini hari ini.

Dalam pada itu, Nik Mohd. Fadly berkata, pementasan randai di Panggung Sari, Istana Budaya merupakan kesinambungan JKKN

untuk memartabatkan teater tradisional negara selepas *Teater Mek Mulung* berjaya mendapat sambutan hangat pada tahun lepas.

Sehubungan itu, katanya, orang ramai yang ingin mendapatkan tiket teater muzikal tersebut dengan harga RM25, RM55 dan RM85, boleh melayari [www.airasiaredtix.com](http://www.airasiaredtix.com) atau mendapatkannya di kaunter tiket *box-office* Istana Budaya.